



PEMANGKU Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Sufri bin Haji Sudin bergambar ramai bersama para pensyarah dan peserta Pertandingan Kaunseling Klien bagi Tahun 2021 di Auditorium UNISSA.



PARA peserta ketika Pertandingan Kaunseling Klien kelolaan Persatuan Mahasiswa Syariah dan Undang-Undang UNISSA Sesi 2020 / 2021.

Dedah fungsi kaunseling dalam undang-undang

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Persatuan Mahasiswa Syariah dan Undang-Undang UNISSA Sesi 2020 / 2021 mengadakan Pertandingan Kaunseling Klien bagi Tahun 2021, di Auditorium UNISSA.

Pertandingan Kaunseling Klien tersebut dirasmikan oleh Pemangku Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Dr. Sufri bin Haji Sudin selaku tetamu kehormat majlis.

Pertandingan disertai oleh 24 mahasiswa UNISSA, yang dibahagikan kepada 12 kumpulan,

di mana enam daripadanya menyertai Kategori Syariah dan enam lagi menyertai Kategori Sivil.

Antara objektif pertandingan ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan yang meluas mengenai fungsi kaunseling dalam undang-undang juga menggalakkan minat, khususnya dalam kalangan pelajar untuk ikut juga mengembangkan kemahiran temu bual (*interview*) dan kaunseling dalam praktikal undang-undang.

Selain itu, ia berobjektif untuk melahirkan kemampuan dan kemahiran asas menemu ramah

peguam juga klien melalui dalam masalah undang-undang.

Juara bagi Pertandingan Kaunseling Klien bagi Tahun 2021, bagi Kategori Sivil, disandang oleh Pasukan 'A', terdiri daripada Dayang Amal Nabilah binti Haji Kasah; dan Dayang Nor Amirah Azyiah binti Hasdy.

Manakala naib juara disandang oleh Pasukan 'F', terdiri daripada Dayang Aisyah binti Muhammad Yusop; dan Awang Muhammad Izzat bin Abidin, manakala tempat ketiga pula disandang oleh Pasukan 'B', iaitu Dayang Norsuziyani binti Abdullah; dan Dayang Fatin Nazirah binti

Morshidi.

Juara bagi Kategori Syariah, dimenangi oleh Pasukan 'E', terdiri daripada Dayang Rabi'atul Adawiah binti Azman; dan Dayang Khairul Atiqah binti Khairul Nurul Arsyad, naib juara pula disandang oleh Pasukan 'A', iaitu, Dayang Rafeah binti Haji Ibrahim; dan Dayang Nurul Nabilah binti Haji Matnoor; dan tempat ketiga disandang oleh Pasukan 'C', Dayang Nuur Afiah Benjimin; dan Dayang Siti Munirah binti Hanapi.

Penghargaan bagi Counsellors Terbaik bagi Kategori Sivil disandang oleh Awang Mohammad Najihuddin bin

Nooralizam; dan Dayang Aisyah binti Muhammad Yusop. Bagi Kategori Syariah pula, Counsellors Terbaik dimenangi oleh Dayang Khairul Atiqah binti Khairul Nurul Arsyad.

Hakim-hakim Pertandingan Kaunseling Klien, terdiri daripada Peguam-peguam Sivil dan Syariah daripada firma guaman di Negara Brunei Darussalam.

Majlis yang julung kalinya diadakan ini diharap akan dapat memberikan peluang kepada para peserta untuk menyertai Pertandingan Kaunseling Klien, sekali gus menimbulkan minat dalam apa jua bidang yang diceburi.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Tip

KESIHATAN

GARIS PANDUAN PENJAGAAN KESIHATAN SEMASA BANJIR

BANJIR adalah keadaan di mana air telah naik melebihi paras bahaya dan diisytiharkan banjir oleh pihak-pihak berkuasa.

Masalah-masalah yang berlaku semasa banjir

Perlu diingat bahawa banjir jangan dipandang ringan, kerana ia boleh mendatangkan masalah atau bahaya seperti :

1. Lemas.
2. Terdedah kepada berbagai jenis kecederaan seperti terpijak benda yang tajam atau terjatuh ke dalam longkang.
3. Terkena renjatan elektrik.
4. Terdedah kepada jangkitan penyakit seperti taun, cirit-birit dan demam kepalu.

Tindakan yang perlu awda lakukan semasa banjir

1. Menjauhi tempat-tempat yang dilanda banjir.
2. Pindah segera ke pusat pemindahan apabila diarah oleh pihak berkuasa.
3. Matikan semua punca bekalan elektrik apabila berpindah.
4. Tidak menyentuh dawai elektrik yang terjatuh di kawasan banjir.

Bagaimana kita boleh menjaga kesihatan ketika banjir

1. Sentiasa meminum air yang telah dimasak.
2. Makan makanan yang dimasak sahaja. Elakkan memakan makanan mentah seperti sayur-sayuran yang belum dimasak dan ulam-ulaman.
3. Tutup semua makanan dan jangan memakan makanan yang terdedah.
4. Sentiasa menjaga kebersihan diri dan kawasan sekeliling.
5. Basuh tangan sebelum makan dan selepas pergi ke tandas. Gunakan tandas yang sempurna. Buang sampah di tempat yang betul.
6. Dapatkan suntikan vaksin mengikut nasihat doktor.
7. Dapatkan rawatan segera sekiranya awda mengalami cirit-birit dan muntah-muntah.